- 19.1 If any difference or dispute of any kind whatsoever shall arise between the master contract holder and us as to the extent or meaning of any provision of this contract in respect of any claim arising hereunder, the same shall be referred to a single arbitrator in Malaysia if the parties can agree upon one or otherwise, to 2 arbitrators in Malaysia to be appointed by the master contract holder and us respectively or in case of disagreement, to an umpire to be appointed by the arbitrators before entering on the reference. The making of an award by the arbitration shall be a condition precedent to any liability of or right of action against us in respect of such difference or dispute.

20. Severability

- 20.1 In the event any provision of this contract is held to be unenforceable, in whole or in part, such holding will not affect the validity of the other provisions of this contract, and this contract shall be construed in all respects as if the invalid or unenforceable provision is not essential to the

underlying business terms of this contract and the master contract holder and we shall renegotiate the business terms of this contract to account for the omission of such provision.

21. Takaful Regulatory Authority

- 21.1 This contract shall be subject to the overriding directive of Malaysia Takaful Regulatory Authority, its various guidelines, directives, regulations and the Islamic Financial Services Act 2013 and its subsequent amendment or replacement.
- 21.2 The master contract holder shall permit the lawful and authorised officers of Malaysia Takaful Regulatory Authority to perform such investigations, as the Takaful Regulatory Authority shall deem appropriate pursuant to the Islamic Financial Services Act 2013 and its subsequent amendment or replacement.

22. Law and interpretation

- 22.1 This contract shall be governed by and interpreted in accordance to the Law of Malaysia.

ANNEXURE XCPI004

Contributions and charges

1. Contribution

- 1.1 Single contribution shall be payable on the inception of the takaful coverage. The contribution payable is determined based on the applicable contribution rates multiplied by the initial sum covered.
- 1.2 We may revise the contribution rates by notifying the master contract holder in writing at least 90 days in advance of the change in the rates. These changes shall not affect the takaful coverage issued prior to the effective date of the revised rates.

2. Wakalah fee

- 2.1 This fee will be applied upon payment of the single contribution. The current fee is specified in the schedule of wakalah fees and tabarru'. The wakalah fee on contribution will be settled as a percentage of the single contribution.
- 2.2 We reserve the right to revise this percentage at any time by giving master contract holder at least 90 days' written notice. Any changes will only apply after the end of the notice period.

3. Tabarru'

- 3.1 The tabarru' deductions shall be applied at the inception of the takaful coverage, as a percentage of the single contribution. The current deduction percentage is as specified in the schedule of wakalah fees and tabarru'.
- 3.2 In the event the person covered is, as determined by us, medically impaired in any way and/or involved in any hazardous occupation or activity, extra tabarru' deductions may be levied.
- 3.3 We reserve the right to revise the tabarru' rates at any time by giving master contract holder at least 90 days' written notice. Any changes will only apply after the end of the notice period.

ANNEXURE XCPI005

Benefit conditions – Death benefit

1. Death benefit

- 1.1 In the event of death of the person covered from any cause other than the excluded risks as herein contained, the sum covered prevailing at the time of death shall be payable in one lump sum from the participants' tabarru' fund.

2. Notice of claims

- 2.1 The master contract holder shall notify us on the death of any person covered immediately and furnish us with all information necessary to determine whether the benefit is payable in respect of that person covered at no expense to us, within a period of 2 years from the date of death.

3. Entitlement

- 3.1 Upon receipt and approval of the proof of death of the person covered, we shall pay the master contract holder the actual outstanding financing amount incurred by the person covered.
- 3.2 The certificate shall be terminated upon payment of the above.
- 3.3 If the actual outstanding financing amount is less than the amount of takaful coverage, the balance of any takaful benefits shall be paid to the nominee named by the person covered.
- 3.4 In the event that there is no nominee, the unpaid benefits shall be paid to the rightful claimant.

4. Risk exclusions

- 4.1 The full sum covered shall not be payable if the death is due to or arising from suicide. In such event, the liability of us will be limited to the refund of the tabarru' deduction reduced in proportion to the ratio the unexpired duration of takaful coverage bears to the takaful period.

5. Termination of a person covered's coverage

- 5.1 The takaful coverage for this benefit shall automatically terminate on the occurrence of any one of the following events, whichever occurs earlier:
 - a) Upon total and permanent disablement of the person covered;
 - b) Upon death of the person covered;
 - c) At the end of the takaful period; or
 - d) Upon termination of the financing facility or the person covered having ceased to be a client of the master contract holder before the expiration of the term of this certificate for any reason.

However, in the event of (d), only the person covered has the option to continue the takaful coverage until the natural expiry of the term of the takaful coverage stated on the relevant certificate by written notification to us.

- 5.2 Termination of the takaful coverage for each person covered shall be without any prejudice to any claim arising prior to such termination.

ANNEXURE XCPI006

Benefit conditions – Total and permanent disability (TPD) benefit (own and similar occupation)

1. Total and permanent disability benefit

- 1.1 Upon receipt of satisfactory proof that the person covered has suffered from TPD and upon admission by us of the disability, as herein defined, subject to the provisions herein contained, the sum covered prevailing at the inception of the disability, shall be payable in one lump sum from the participants' tabarru' fund.
- 1.2 All coverage and benefits under this contract shall be considered to have been terminated on the first day that such disability occurred.
- 1.3 The maximum aggregate amount for TPD benefit payable on each person covered under this and all other individual and group contracts or certificates issued by us shall not exceed RM2,000,000.

2. Definition of total and permanent disability

- 2.1 To be entitled to this benefit, 2 of our medical examiners must believe the person covered's disability comes within the definition of TPD as shown below:
 - 2.1.1 For a person covered who is working or operating their own business
If the person covered is between the ages of 18 and 65, working for money or operating their own business, they would be totally and permanently disabled if they were totally and permanently unable to do their job, occupation or profession for which they are reasonably fitted by reason of training, education or experience. The disability must last for at least 6 months.
 - 2.1.2 For a person covered who is unemployed or not operating their own business
If the person covered is between the ages of 18 and 65 and at the time of suffering the disability is not in paid work or operating their own business or is a housewife, we consider TPD to be the inability to carry out at least 3 out of the 6 activities of daily living (as shown below) without the help of another person. The disability must last for at least 6 months.
 - a) Transfer – Getting in and out of a chair without help;
 - b) Mobility – The ability to move from room to room without help;
 - c) Continence – The ability to voluntarily control bowel and bladder functions;
 - d) Dressing – Putting on and taking off all necessary items of clothing without help;
 - e) Bathing and washing – The ability to wash in the bath or shower (including getting in or out of the bath or shower) or wash by any other means; or
 - f) Eating – All tasks of getting food into the body once it has been prepared.
 - 2.1.3 TPD for this clause also includes the following:
 - a) Total and permanent loss of sight of both eyes;
 - b) Loss of 2 limbs at or above the wrist or ankle;

- c) Total and permanent loss of sight of 1 eye and loss of 1 limb at or above the wrist or ankle; or
- d) Permanent total paralysis.

3. Notice of Claim

- 3.1 Advance written notice of injury or sickness for which a claim will be submitted must be given to us within 30 days after the date of occurrence of such disability.
- 3.2 Failure to give notice within such time shall not invalidate any claim if it shall be shown not to have been reasonably possible to give such notice and that notice was given as soon as reasonably possible.

4. Proof of disability

- 4.1 Affirmative proof that the person covered has become total and permanently disabled must be submitted to us on forms to be provided by us within 6 months from the date of occurrence of disability.
- 4.2 We shall have the right and opportunity to examine the person whose injury or sickness is the basis of claim when and as often as it may reasonably require during the pendency of claim or payment of any benefit hereunder.

5. Entitlement

- 5.1 Upon receipt and approval of the proof of TPD of the person covered, we shall pay the master contract holder the actual outstanding financing amount incurred by the person covered.
- 5.2 The certificate shall be terminated upon payment of the above.
- 5.3 If the actual outstanding financing amount is less than the amount of takaful coverage, the balance of any takaful benefits shall be paid to the person covered.

6. Risk exclusion

- 6.1 No benefit shall be paid if the disability is due to or accelerated by, directly or indirectly, wholly or partly, one of the following causes.
 - a) Strike, riot, civil commotion, rebellion, war (whether declared or not);
 - b) Entering, operating or servicing, ascending or descending from or with any aerial device or conveyance except while the person covered is in an aircraft operated by a commercial passenger airline on a regular schedule passenger trip over its established passenger route;
 - c) Being under the influence of intoxicating liquor or any narcotic or drug;
 - d) Attempted suicide (whether sane or insane), immorality or intentional self-injury;

- e) Involvement in a breach of law (unless as an innocent party) or membership of any illegal organization; or
- f) Acquired immune deficiency syndrome (AIDS) or related complexes/conditions.

7. Termination

7.1 The takaful coverage for this benefit shall automatically terminate on the occurrence of any one of the following events, whichever occurs earlier:-

- a) Upon certificate monthly anniversary immediately after the person covered's attainment of age 65 years old;
- b) Upon TPD of the person covered;
- c) Upon death of the person covered;
- d) Upon termination of the financing facility or the person covered having ceased to be a client of the master contract holder before the expiration of the term of this certificate for any reason; or
- e) At the end of the takaful period.

However, in the event of d), only the person covered has the option to continue the takaful coverage until the natural expiry of the term of the takaful coverage stated on the relevant certificate by written notification to us.

7.2 Termination of the takaful coverage for each person covered shall be without any prejudice to any claim arising prior to such termination.

8. Legal proceedings

8.1 No action at law or in equity shall be brought to recover any benefit or claim on this benefit prior to the expiration of 1 year or after the expiration of 2 years from the date of commencement of the disability.

ANNEXURE XCPI007

Appendix – Sum covered formula

The sum covered (SC) for any month is dependent on the repayment period (n), financing profit rate (i_f) and the initial sum covered (ISC) as provided by the contract holder and is determined as follows:

$$SC_t = ISC \times \frac{1 - v_f^{n-(t-1)}}{1 - v_f^n} \quad t = 1, 2, \dots, n$$

Where,

- SC_t = Sum covered in month t
- t = curtate duration in months
- n = repayment period in months
- i_f = financing profit rate, 36%
- v_f = financing discount rate defined by

$$v_f = \frac{1}{\left(1 + \frac{i_f}{12}\right)}$$



SUN LIFE MALAYSIA TAKAFUL BERHAD

KONTRAK INDUK

XPRESS CASH PROTECTOR-i

LAMPIRAN XCPI001

Pengenalan

Tujuan

Pelan takaful bertujuan menyebarkan semangat takaful di kalangan orang yang dilindungi dalam tempoh penyertaan sekiranya berlaku musibah yang dilindungi kepada orang yang dilindungi. Kami bagi pihak orang yang dilindungi, akan melaksanakan takaful bersama pemegang kontrak induk dengan membayar manfaat takaful yang dipersetujui dalam kontrak dan mengikut apa yang telah dinyatakan di dalam pelan ini.

Prinsip-prinsip asas

Pertama	Kami adalah pihak pertama dan pemegang kontrak induk adalah pihak kedua di dalam kontrak induk ini.
Kedua	Kami akan dianggap sebagai penjaga yang diamanahkan dan pengurus pelan ini sejajar dengan prinsip-prinsip Syariah.
Ketiga	Orang yang dilindungi dianggap telah bersetuju untuk menderma sebahagian daripada sumbangan mereka kepada dana peserta tabarru' untuk memenuhi tujuan takaful.
Keempat	Kami bertanggungjawab untuk memenuhi sebarang kerugian sekiranya ia terbukti akibat kegagalan kami untuk mengenakan terma-terma dan syarat-syarat pelan ini atau disebabkan kecuaiannya kami dalam menjalankan tugas.

LAMPIRAN XCPI003

Peruntukan am

1. Takrifan

1.1 Di dalam kontrak ini, perkataan dan frasa berikut membawa maksud yang diberikan di sebelahnya:

- a) **Pelanggan** bermaksud seseorang yang mana pemegang kontrak induk mempunyai kepentingan pada permulaan perlindungan.
- b) **Kontrak** bermaksud dokumen kontrak induk ini termasuk sijil dan sebarang penyata kepada pemeriksa perubatan atau paramedik kami, soal selidik, pengendorsan atau pindaan bertulis.
- c) **Sumbangan** bermaksud sumbangan takaful yang perlu dibayar oleh orang yang dilindungi.
- d) **Jumlah permulaan yang dilindungi** bermaksud jumlah yang dilindungi berkenaan sebaik sahaja bermulanya perlindungan takaful.
- e) **Pemegang kontrak induk** bermaksud mana-mana organisasi atau institusi yang dinamakan di sini atau subsidiari kepada pemegang kontrak induk yang dilindungi di bawah kontrak ini.
- f) **Dana tabarru' peserta** bermaksud dana pegangan yang mana potongan tabarru' daripada sumbangan akan dikreditkan. Semua manfaat takaful yang dinyatakan di bawah kontrak ini akan dibayar daripada dana ini. Jika baki dalam dana tabarru' peserta tidak mencukupi untuk memenuhi kewajipan takaful, kami akan mengaturkan Qard (pembiayaan tanpa faedah). Pembiayaan ini perlu dibayar balik apabila dana tabarru' peserta kembali kepada keuntungan. Kami akan membayar semua kos, perbelanjaan dan caj bagi mengurus dan melabur aset dana tabarru' peserta dan sebarang perbelanjaan lain yang berkaitan daripada dana tabarru' peserta.
- g) **Orang yang dilindungi** bermaksud seseorang yang dilindungi di bawah kontrak ini, seperti yang dinyatakan di dalam sijil.
- h) **Kepentingan takaful yang dibenarkan** bermaksud kepentingan ekonomi atau kewangan pemegang kontrak induk dalam perlindungan pelanggan yang berhutang kepada pemegang kontrak induk dengan memperoleh skim pembiayaan pemegang kontrak induk.
- i) **Jawatankuasa Shariah** bermaksud jawatankuasa yang dibentuk oleh kami untuk memberi nasihat operasi perniagaan takaful kami bagi memastikan ia mematuhi Shariah.
- j) **Jumlah yang dilindungi** bermaksud manfaat yang dibayar pada masa kematian dan hilang upaya kekal dan menyeluruh. Jumlah ini berubah mengikut tempoh perlindungan dan seperti yang ditentukan di dalam Lampiran XCPI007.
- k) **Tempoh takaful** bermaksud tempoh perlindungan takaful yang diberikan kepada orang yang dilindungi.

2. Interpretasi

2.1 Perkataan tunggal adalah merangkumi perkataan majmuk, dan jantina maskulin adalah merangkumi jantina feminin, dan sebaliknya seperti yang dibenarkan dalam konteks.

3. Kelayakan

- 3.1 Pelanggan pemegang kontrak induk seperti yang dinyatakan di dalam jadual kontrak induk.

4. Tarikh berkuatkuasa setiap orang yang dilindungi

- 4.1 Perlindungan bagi mana-mana orang yang dilindungi akan berkuatkuasa hanya selepas tarikh pembiayaan dikeluarkan, tertakluk kepada kelulusan permohonan oleh kami dan dengan syarat bahawa bayaran sumbangan penuh telah diterima oleh kami.

5. Tarikh permulaan setiap orang yang dilindungi

- 5.1 Tarikh permulaan setiap orang yang dilindungi adalah tarikh kemudahannya pembiayaan ditentukan.

6. Bukti yang diperlukan untuk penyertaan takaful

- 6.1 Bukti pengunderaitan yang memuaskan mungkin kami perlukan sebelum orang yang layak dilindungi diterima untuk perlindungan takaful. Kami boleh menerima atas terma yang berbeza atau menolak permohonan itu jika kesihatan, pekerjaan, hobi/pekerjaan sambilan dan sebagainya bagi orang yang dilindungi tidak dalam had piawaian, pada pendapat kami.

7. Kontrak di seluruh dunia

- 7.1 Tertakluk kepada terma yang dinyatakan dalam lampiran dan/atau endorsan kepada kontrak, perlindungan takaful hendaklah bebas daripada sekatan dengan tempat tinggal, pekerjaan atau perjalanan.

8. Jumlah yang dilindungi yang berkurangan

- 8.1 Jika sumbangan tidak dibayar sepenuhnya, kami mempunyai pilihan untuk sama ada:
- a) mengurangkan jumlah yang dilindungi secara pro-rata; atau
 - b) membayar balik sumbangan yang diterima tanpa keuntungan

9. Salah nyata umur

- 9.1 Jika umur orang yang dilindungi telah salah dinyatakan dan umur sebenar adalah dalam had penerimaan kami, kami mungkin akan membuat salah satu daripada penyelarasan berikut:
- a) Jika sumbangan berdasarkan umur sebenar adalah lebih tinggi daripada sumbangan yang kami terima, kami akan mengurangkan jumlah yang dilindungi selaras dengan sumbangan yang diterima; atau
 - b) Jika sumbangan berdasarkan umur sebenar adalah lebih rendah daripada sumbangan yang kami terima, kami akan mengembalikan perbezaannya.

- 9.2 Jika umur orang yang dilindungi telah salah dinyatakan dan umur sebenar adalah tidak termasuk dalam had penerimaan kami, jumlah yang akan dibayar menurut kontrak induk ini berkenaan dengan orang yang dilindungi akan dibayar daripada dana tabarru' peserta dan terhad kepada potongan tabarru' orang yang dilindungi. Bukti umur juga kami perlukan semasa memproses sebarang tuntutan di bawah kontrak ini.

10. Penamatan perlindungan

- 10.1 Perlindungan takaful orang yang dilindungi tamat dengan serta-merta apabila berlaku mana-mana satu daripada keadaan berikut, yang mana berlaku terdahulunya:
- a) Selepas kematian orang yang dilindungi seperti di Lampiran XCPI005;
 - b) Pada akhir tempoh takaful;
 - c) Selepas hilang upaya menyeluruh dan kekal bagi orang yang dilindungi seperti yang dinyatakan dalam Lampiran XCPI006; atau
 - d) Selepas penamatan kemudahan pembiayaan atau apabila orang yang dilindungi bukan lagi menjadi pelanggan pemegang kontrak induk sebelum tempoh sijil ini tamat untuk apa-apa sebab.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya keadaan d) berlaku, hanya orang yang dilindungi mempunyai pilihan untuk meneruskan perlindungan takaful sehingga tamat tempoh perlindungan takaful secara semula jadi yang dinyatakan pada sijil yang berkaitan dengan notis bertulis kepada kami.

11. Tempoh semakan percuma (tempoh pembatalan)

- 11.1 Dalam masa 15 hari selepas sijil dihantar, orang yang dilindungi boleh membatalkan sijil dengan memberi notis bertulis kepada pemegang kontrak induk dan mengembalikan sijil kepada kami.
- 11.2 Kami akan membayar balik sebarang sumbangan yang telah dibayar oleh orang yang dilindungi tanpa keuntungan, tolak sebarang perbelanjaan yang telah kami bayar untuk sebarang pemeriksaan perubatan.

12. Tidak boleh dipertikaikan

- 12.1 Perlindungan takaful bagi mana-mana orang yang dilindungi adalah tidak boleh dipertikaikan, kecuali penipuan atau kegagalan membayar sumbangan, selepas ia telah berkuatkuasa semasa hayat orang yang dilindungi selama 2 tahun dari tarikh perlindungan takaful berkuatkuasa atau 2 tahun dari tarikh pengembalian semula perlindungan takaful, yang mana terkemudian.

13. Pelaburan

- 13.1 Kami akan melabur semua sumbangan yang diterima menurut prinsip-prinsip Syariah.

14. Lebihan, jika ada dalam dana tabarru' peserta

- 14.1 Sebarang lebihan yang diperolehi dalam dana tabarru' peserta akan dikekalkan dalam dana tabarru' peserta. Tiada agihan lebihan akan diberikan kepada kami, pemegang kontrak induk atau orang yang dilindungi. Kami mungkin menggunakan sebarang lebihan yang diperolehi sebagai derma kepada mana-mana pertubuhan kebajikan yang diiktiraf oleh jawatankuasa Syariah.

15. Penama

- 15.1 Penama yang dinamakan di dalam borang penamaan atau mana-mana pindaan pada masa hadapan yang dibuat oleh orang yang dilindungi, akan menerima manfaat kematian mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Pembahagian 1958, yang mana berkenaan bagi bukan Muslim atau mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 atau Undang-undang pusaka Islam (Faraid), yang mana berkenaan bagi Muslim. Orang yang dilindungi boleh membatalkan atau menukar penama pada bila-bila masa melalui pemberitahuan bertulis kepada kami. Pembatalan dan perubahan penama akan berkuatkuasa dari tarikh kami menerima pemberitahuan bertulis itu.

16. Pindaan kontrak

- 16.1 Kami berhak untuk meminda terma dan peruntukan kontrak ini dengan memberi endorsan kepada pemegang kontrak induk di alamat yang terakhir diketahui dalam rekod kami. Sebarang endorsan lagi yang dibuat untuk kontrak ini selepas tarikh yang dinyatakan dalam kontrak ini hanya akan berkuatkuasa pada tarikh ia telah diendorskan dalam kontrak ini. Tiada pindaan kepada kontrak ini akan sah melainkan jika diberi kuasa oleh kami dan kelulusan itu disahkan ke atasnya. Endorsan akan menjadi sebahagian daripada kontrak takaful.

17. Pembatalan kontrak

- 17.1 Pemegang kontrak induk boleh membatalkan kontrak ini dengan memberi notis bertulis 60 hari kepada kami. Notis itu hendaklah menyatakan tarikh pembatalan berkuatkuasa.
- 17.2 Kontrak ini boleh dibatalkan oleh kami dengan mengirimkan notis pembatalan bertulis kepada pemegang kontrak induk di alamat perniagaan yang diketahui terakhir, yang menyatakan bila pembatalan tersebut akan berkuatkuasa, tetapi tidak kurang daripada 60 hari selepas itu.
- 17.3 Perlindungan takaful yang sedia ada bagi setiap orang yang dilindungi akan terus berkuatkuasa sehingga salah satu keadaan di bawah Peruntukan dalam 10 berlaku.

18. Bukti kepentingan takaful yang dibenarkan

- 18.1 Kami memerlukan bukti kepentingan takaful yang dibenarkan yang memuaskan di antara pelanggan dan pemegang kontrak induk yang telah memberikan kemudahan pembiayaan sebelum pelanggan diterima untuk perlindungan takaful.
- 18.2 Jika pemegang kontrak tidak lagi mempunyai sebarang kepentingan dalam orang yang dilindungi, semua hak-hak dan hak-hak istimewa perlindungan takaful akan dipindahkan kepada orang yang dilindungi secara automatik.

19. Penimbang tara

- 19.1 Jika terdapat sebarang perbezaan atau pertikaian dalam apa-apa jua bentuk yang timbul antara pemegang kontrak induk dan kami tentang pengertian man-mana peruntukan kontrak ini berkenaan dengan apa-apa tuntutan yang timbul di bawah ini, ianya hendaklah dirujuk kepada penimbang tara tunggal di Malaysia sekiranya pihak-pihak bersetuju atau sebaliknya merujuk kepada 2 penimbang tara di Malaysia yang dilantik oleh pemegang kontrak induk dan kami atau dalam kes perselisihan, kepada pengadil yang dilantik oleh penimbang tara sebelum membuat rujukan. Award yang telah dibuat oleh penimbang tara hendaklah menjadi syarat utama kepada sebarang liabiliti atau hak untuk bertindak terhadap kami berkenaan dengan perbezaan atau pertikaian sedemikian.

20. Kebolehasingan

- 20.1 Sekiranya mana-mana peruntukan kontrak ini tidak dapat dikuatkuasakan, secara keseluruhan atau sebahagian, pegangan itu tidak akan menjejaskan kesahihan peruntukan lain dalam kontrak ini, dan kontrak ini akan ditafsirkan seolah-olah peruntukan tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan itu tidak penting kepada terma perniagaan asas kontrak ini dan pemegang kontrak induk dan kami akan berunding semula terma perniagaan kontrak ini bagi mengambil kira peruntukan yang telah diketepikan itu.

21. Pihak Berkuasa Kawal Selia Takaful

- 21.1 Kontrak ini akan tertakluk kepada arahan Pihak Berkuasa Kawal Selia Takaful Malaysia, pelbagai garis panduan, arahan, peraturan dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan pindaan atau penggantian berikutnya.
- 21.2 Pemegang kontrak induk hendaklah membenarkan pegawai yang dibenarkan bagi Pihak Berkuasa Kawal Selia Takaful yang sah untuk melaksanakan siasatan, sebagaimana yang Pihak Berkuasa Kawal Selia Takaful anggap sewajarnya menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan pindaan atau penggantian berikutnya.

22. Undang-undang dan interpretasi

- 22.1 Kontrak ini akan tertakluk oleh dan ditafsirkan selaras dengan Undang-Undang Malaysia.

LAMPIRAN XCPI004

Sumbangan dan caj

1. Sumbangan

- 1.1 Sumbangan tunggal perlu dibayar pada permulaan perlindungan takaful. Sumbangan yang perlu dibayar ditentukan berdasarkan kadar sumbangan berkenaan didarab dengan jumlah permulaan yang dilindungi.
- 1.2 Kami boleh menyemak semula kadar sumbangan kontrak ini dengan memberi notis bertulis kepada pemegang kontrak sekurang-kurangnya 90 hari sebelum penyemakan semula kadar sumbangan. Perubahan ini tidak akan mempengaruhi perlindungan takaful yang dikeluarkan sebelum tarikh berkuatkuasa perubahan kadar.

2. Yuran wakalah

- 2.1 Yuran ini akan dikenakan selepas sumbangan tunggal dibayar. Yuran semasa dinyatakan di dalam jadual yuran wakalah dan tabarru'. Yuran wakalah pada sumbangan akan dibayar sebagai peratusan daripada sumbangan tunggal.
- 2.2 Kami berhak untuk menyemak semula peratusan ini pada bila-bila dengan memberi notis bertulis kepada pemegang kontrak induk kurang-kurangnya 90 hari. Sebarang perubahan hanya akan berkuatkuasa selepas tamat tempoh notis.

3. Tabarru'

- 3.1 Potongan tabarru' akan dikenakan pada permulaan perlindungan takaful, sebagai peratusan daripada sumbangan tunggal. Peratusan potongan semasa adalah seperti yang dinyatakan di dalam jadual yuran wakalah dan tabarru'.
- 3.2 Sekiranya orang yang dilindungi seperti yang kami tentukan, mempunyai keadaan perubahan yang terjejas dan/atau terlibat dalam sebarang pekerjaan atau aktiviti berbahaya, potongan tabarru' tambahan akan dikenakan.
- 3.3 Kami berhak untuk menyemak semula kadar tabarru' ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada pemegang kontrak induk kurang-kurangnya 90 hari. Sebarang perubahan hanya akan berkuatkuasa selepas tamat tempoh notis.

LAMPIRAN XCPI005

Peruntukan manfaat – Manfaat kematian

1. Manfaat kematian

- 1.1 Sekiranya berlaku kematian orang yang dilindungi akibat daripada sebarang sebab selain daripada risiko yang dikecualikan seperti yang dinyatakan di bawah, jumlah yang dilindungi pada masa kematian akan dibayar sekaligus dari dana tabarru' peserta.

2. Notis tuntutan

- 2.1 Pemegang kontrak induk hendaklah memberitahu kami kematian mana-mana orang yang dilindungi dengan serta-merta dan memberikan semua maklumat yang perlu kepada kami untuk menentukan sama ada manfaat berkenaan dengan orang yang dilindungi akan dibayar tanpa melibatkan perbelanjaan ke atas kami, dalam tempoh 2 tahun dari tarikh kematian.

3. Kelayakan

- 3.1 Apabila menerima dan meluluskan bukti kematian orang yang dilindungi, kami akan membayar jumlah pembiayaan sebenar yang ditanggung oleh orang yang dilindungi kepada pemegang kontrak induk.
- 3.2 Sijil akan ditamatkan selepas pembayaran di atas.
- 3.3 Jika amaun pembiayaan yang sebenar adalah kurang daripada jumlah perlindungan takaful, baki bagi sebarang manfaat takaful akan dibayar kepada penama yang dinamakan oleh orang yang dilindungi.
- 3.4 Sekiranya tidak ada penama, manfaat yang belum dibayar akan dibayar kepada pihak menuntut yang sah.

4. Pengecualian risiko

- 4.1 Jumlah penuh yang dilindungi tidak akan dibayar jika kematian disebabkan atau timbul daripada bunuh diri. Dalam keadaan ini, liabiliti kami akan terhad kepada pembayaran balik potongan tabarru' berkurangan dengan nisbah tempoh perlindungan takaful yang belum tamat dengan tempoh takaful.

5. Penamatan perlindungan orang yang dilindungi

- 5.1 Perlindungan takaful untuk manfaat ini akan ditamatkan secara automatik apabila berlaku mana-mana satu daripada keadaan yang berikut, yang mana berlaku terdahulunya:
 - a) Selepas hilang upaya kekal dan menyeluruh orang yang dilindungi;
 - b) Selepas kematian orang yang dilindungi;
 - c) Pada akhir tempoh takaful; atau

- d) Selepas penamatan kemudahan pembiayaan atau orang yang dilindungi telah berhenti menjadi pelanggan pemegang kontrak induk sebelum tempoh sijil ini tamat untuk apa-apa sebab.

Walau bagaimanapun, sekiranya d) berlaku, hanya orang yang dilindungi mempunyai pilihan untuk meneruskan perlindungan takaful sehingga tamat tempoh perlindungan takaful tamat semula jadi yang dinyatakan pada sijil yang berkaitan dengan notis bertulis kepada kami.

- 5.2 Penamatan perlindungan takaful untuk setiap orang yang dilindungi adalah tanpa prejudis ke atas sebarang tuntutan yang diperolehi sebelum penamatan tersebut.

LAMPIRAN XCPI006

Peruntukan manfaat – Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) (pekerjaan sendiri dan seumpamanya)

1. Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal

- 1.1 Selepas menerima bukti yang memuatkan bahawa orang yang dilindungi telah mengalami TPD dan apabila kami menerima pengakuan hilang upaya tersebut, yang dinyatakan di bawah, tertakluk kepada peruntukan yang terkandung di sini, jumlah permulaan yang dilindungi apabila hilang upaya bermula, akan dibayar dalam sekali gus daripada dana tabarru' peserta.
- 1.2 Semua perlindungan dan manfaat di bawah kontrak ini akan dianggap tamat pada hari pertama hilang upaya tersebut berlaku.
- 1.3 Jumlah maksimum manfaat TPD dibayar ke atas setiap orang yang dilindungi di bawah kontrak ini dan semua kontrak atau sijil individu dan berkelompok yang lain yang kami keluarkan tidak akan melebihi RM2,000,000.

2. Takrifan hilang upaya menyeluruh dan kekal

- 2.1 Untuk layak menuntut manfaat ini, 2 pemeriksa perubatan kami mestilah mempercayai bahawa hilang upaya yang dialami oleh orang yang dilindungi dirangkumi di bawah TPD seperti yang dinyatakan berikut:
 - 2.1.1 Untuk orang yang dilindungi yang bekerja atau mengendalikan perniagaan sendiri
Jika umur orang yang dilindungi di antara 18 dan 65 tahun, bekerja untuk mendapat gaji atau mengendalikan perniagaan sendiri, mereka telah hilang upaya menyeluruh dan kekal jika mereka tidak mampu secara menyeluruh dan kekal untuk melakukan tugas, pekerjaan atau profesion yang mana mereka telah dilatih atau layak melakukan berdasarkan latihan, pendidikan atau pengalaman mereka. Hilang upaya ini mestilah berlanjutan selama sekurang-kurangnya 6 bulan.
 - 2.1.2 Untuk orang yang dilindungi yang tidak bekerja atau tidak mengendalikan perniagaan sendiri
Jika umur orang yang dilindungi di antara 18 dan 65 tahun dan tidak bekerja untuk mendapat gaji atau tidak mengendalikan perniagaan sendiri atau merupakan seorang suri rumah sewaktu mengalami hilang upaya, kami mempertimbangkan TPD sebagai tidak mampu untuk menjalani sekurang-kurangnya 3 daripada 6 aktiviti kehidupan harian (sebagaimana dinyatakan di bawah) tanpa bantuan orang lain. Hilang upaya ini mestilah berlanjutan selama sekurang-kurangnya 6 bulan:
 - a) Beralih – Bangun atau duduk dari kerusi tanpa bantuan;
 - b) Bergerak – Keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik yang lain tanpa bantuan;
 - c) Membuang air – Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara semula jadi;
 - d) Berpakaian – Memakai dan menanggalkan semua pakaian yang perlu tanpa bantuan;
 - e) Mandi dan membersihkan diri – Keupayaan untuk membersihkan diri dalam bilik mandi atau bilik air (termasuk masuk atau keluar dari bilik mandi atau bilik air) atau membersihkan dengan sebarang cara lain; atau
 - f) Makan – Semua cara untuk memasukkan makanan ke dalam badan apabila ia telah disediakan.

2.1.3 TPD untuk klausa ini juga merangkumi yang berikut:

- a) Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada kedua-dua mata;
- b) Kehilangan 2 anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau kaki;
- c) Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada 1 mata dan kehilangan 1 anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau kaki; atau
- d) Lumpuh secara menyeluruh dan kekal.

3. Notis tuntutan

- 3.1 Notis bertulis bagi kecederaan atau penyakit yang mana tuntutan akan dikemukakan perlu diberikan kepada kami dalam masa 30 hari selepas tarikh hilang upaya berlaku.
- 3.2 Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh tersebut tidak akan membatalkan sebarang tuntutan jika notis itu tidak boleh diberikan dengan sebab yang sah dan notis tersebut telah diberikan secepat mungkin.

4. Bukti hilang upaya

- 4.1 Bukti yang mengesahkan bahawa orang yang dilindungi telah mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal mesti diserahkan kepada kami dengan borang yang kami sediakan dalam masa 6 bulan dari tarikh hilang upaya berlaku.
- 4.2 Kami mempunyai hak dan peluang untuk memeriksa orang yang mana kecederaan atau penyakitnya adalah asas tuntutan pada bila-bila masa dan sekerap yang mungkin diperlukan semasa menunggu kelulusan tuntutan atau pembayaran sebarang manfaat di bawah ini.

5. Kelayakan

- 5.1 Apabila menerima dan meluluskan bukti TPD orang yang dilindungi, kami akan membayar jumlah pembiayaan sebenar yang ditanggung oleh orang yang dilindungi kepada pemegang kontrak induk.
- 5.2 Sijil akan ditamatkan selepas pembayaran di atas.
- 5.3 Jika amaun pembiayaan yang sebenar adalah kurang daripada jumlah perlindungan takaful, baki sebarang manfaat takaful akan dibayar kepada orang yang dilindungi.

6. Pengecualian risiko

- 6.1 Tiada manfaat akan dibayar jika hilang upaya disebabkan atau dipercepatkan oleh, secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, satu daripada sebab berikut.
 - a) Mogok, rusuhan, kekacauan awam, pemberontakan, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak);

- b) Memasuki, mengendali atau menyelenggara, naik atau turun dari atau dengan menggunakan apa-apa peranti atau pengangkutan udara melainkan ketika orang yang dilindungi itu berada dalam sesebuah pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan penumpang komersial yang dalam perjalanan tetap berjadual membawa penumpang menggunakan laluan penumpangnya yang telah ditetapkan;
- c) Berada di bawah pengaruh minuman keras, bahan yang memabukkan atau sebarang narkotik atau dadah;
- d) Percubaan membunuh diri (semasa waras atau tidak waras), perbuatan tidak bermoral atau kecederaan sengaja ke atas diri sendiri;
- e) Terlibat dalam pelanggaran undang-undang (kecuali sebagai pihak yang tidak bersalah) atau menjadi ahli mana-mana organisasi haram; atau
- f) Sindrom kurang daya tahan penyakit (AIDS) atau kompleks/keadaan yang berkaitan.

7. Penamatan

7.1 Perlindungan takaful untuk manfaat ini akan ditamatkan secara automatik apabila berlaku mana-mana satu daripada keadaan yang berikut, yang mana berlaku terdahulunya:

- a) Pada ulang tahun bulanan sejurus selepas orang yang dilindungi mencapai umur 65;
- b) Selepas TPD orang yang dilindungi;
- c) Selepas kematian orang yang dilindungi;
- d) Selepas penamatan kemudahan pembiayaan atau orang yang dilindungi telah berhenti menjadi pelanggan pemegang kontrak induk sebelum tempoh sijil ini tamat untuk apa-apa sebab.
- e) Pada akhir tempoh takaful.

Walau bagaimanapun, sekiranya keadaan d) berlaku, hanya orang yang dilindungi mempunyai pilihan untuk meneruskan perlindungan takaful sehingga tamat tempoh perlindungan takaful tamat semula jadi yang dinyatakan pada sijil yang berkaitan dengan notis bertulis kepada kami.

7.2 Penamatan perlindungan takaful untuk setiap orang yang dilindungi adalah tanpa prejudis ke atas sebarang tuntutan yang diperolehi sebelum penamatan tersebut.

8. Prosiding undang-undang

8.1 Tiada tindakan undang-undang atau dalam ekuiti yang akan diambil untuk mendapatkan semula sebarang manfaat atau tuntutan ke atas manfaat ini sebelum tamat tempoh 1 tahun atau selepas tamat tempoh 2 tahun dari tarikh hilang upaya bermula.

LAMPIRAN XCPI007

Lampiran – Formula jumlah yang dilindungi

Jumlah yang dilindungi (SC) untuk mana-mana bulan adalah bergantung kepada tempoh bayaran balik (n), kadar keuntungan pembiayaan (i_f) dan jumlah permulaan yang dilindungi (ISC) yang dinyatakan oleh pemegang kontrak induk dan ditentukan seperti berikut:

$$SC_t = ISC \times \frac{1 - v_f^{n-(t-1)}}{1 - v_f^n} \quad t = 1, 2, \dots, n$$

Yang mana,

SC_t = jumlah yang perlindungan dalam bulan t

t = tempoh dalam bulan

n = tempoh bayaran balik dalam bulan

i_f = kadar keuntungan pembiayaan, 36%

v_f = kadar diskaun pembiayaan yang ditetapkan oleh

$$v_f = \frac{1}{\left(1 + \frac{i_f}{12}\right)}$$